

28 Disember 2011

Warga Nigeria edar ganja

KUALA LUMPUR: Kegiatan pengedaran dadah warga Nigeria di Malaysia, yang sebelum ini banyak membabitkan syabu kini beralih kepada ganja.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Salleh berkata, sekumpulan anggota polis menyerbu di belakang restoran di Taman Melati, Wangsa Maju, Khamis lalu jam 10.30 malam dan menahan dua lelaki warga Nigeria. “Selepas pemeriksaan kita menemui 15 ketulan mampat dipercayai ganja dalam kenderaan suspek.

“Pemeriksaan di kondominium disewa kedua-dua suspek berusia 27 dan 29 tahun itu menemui dua ketulan ganja serta 25 gram syabu yang dianggarkan RM49,000,” katanya.

Menurut beliau, siasatan mendapati suspek berusia 27 tahun pelajar di institusi pengajian tinggi swasta di Cheras berdasarkan visa pelajar dimilikinya, manakala seorang lagi tiada dokumen pengenalan diri.